

12/07/1999

Teng beri laluan muka baru

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad - Ketua Wanita MCA, Datuk Teng Gaik Kwan, hari ini secara rasmi melepaskan jawatan berkenaan untuk memberi laluan kepada muka baru, kata Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata, Teng yang memegang jawatan tertinggi sayap Wanita itu selama 14 tahun, juga tidak akan bertanding merebut jawatan Naib Presiden MCA pada pemilihan parti Sabtu ini.

Pengumuman Teng itu dibuat pada mesyuarat terakhir Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MCA sebelum perhimpunan agung parti pada Sabtu ini, yang akan memilih kepimpinan baru.

"Teng memaklumkan kepada CWC bahawa beliau tidak akan menawarkan diri bagi sebarang jawatan tinggi parti dan memberi laluan kepada pemimpin generasi baru menerajui Wanita MCA.

"Kami mengucapkan terima kasih kepada beliau atas segala kepimpinan yang disumbangkan kepada Wanita MCA, sehingga berjaya mewujudkan sebuah sayap parti yang kukuh," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat itu di Wisma MCA, di sini.

Teng, 60, yang juga Timbalan Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, menerajui Wanita MCA sejak 1985 sebagai Ketua Wanita kedua selepas Datuk Paduka Rosemary Chong. Sebelum ini, beliau dikatakan akan bertanding merebut jawatan Naib Presiden.

Keputusan beliau itu sekali gus mengesahkan pertandingan dua penjurua antara Timbalan Ketuaanya, Dr Tan Yee Kew dengan Setiausaha Agungnya, Datuk Dr Ng Yen Yen yang juga Ketua Pergerakan Wanita Pahang.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, bagaimanapun keputusan Teng meletakkan jawatan parti, tidak memberi sebarang kesan kepada kedudukannya dalam kerajaan.

Menurutnya, Wanita MCA juga membuat keputusan tepat dengan memastikan pertandingan antara Dr Tan dan Dr Ng sebagai dua penjurua saja, selain menetapkan yang kalah akan menjadi timbalan ketua wanita.

"Menerusi cara ini, tidak ada siapa pun yang akan rugi, dan ini adalah contoh terbaik budaya baru dalam MCA yang bermula pada peringkat cawangan lagi," katanya.

Beliau berkata, mesyuarat CWC terakhir selepas dipilih tiga tahun lalu itu berjalan dalam suasana mesra dengan 'tidak ada rasa kurang baik' di kalangan anggotanya.

"Tahap kerjasama pasukan ini saya anggap sebagai antara yang terbaik," katanya.

Dr Ling berkata, laporan jawatankuasa teknikal disiplin MCA menunjukkan perwakilan kini semakin matang dengan tiada kes politik wang atau menghina anggota parti lain dilaporkan.

Pemilihan parti MCA akan berlangsung pada Sabtu ini, dengan pemilihan Pemuda dan Wanita sehari sebelum itu. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan persidangan.

Sebanyak 2,411 perwakilan akan menentukan pucuk kepimpinan kebangsaan parti itu. Daripada jumlah itu, 1,595 adalah perwakilan ke perhimpunan agung pemuda, manakala 1,549 lagi, perhimpunan agung wanita.

(END)